

23/02/2003

Hafiz simbol keMelayuan dan keMalaysiaan

Sidang kemuncak NAM esok

Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali yang ke XIII di peringkat kemuncak bermula pagi esok - sebelum itu adalah mesyuarat kerja bagi menyediakan isu dan ketetapan yang harus dibincang oleh ketua negara dan pemerintah. Pada masa menulis ini (petang Sabtu) inisiatif Malaysia mengenai perlucutan senjata dan Iraq seperti dalam draf (kerana ada tambahan dua perenggan terakhir yang menyentuh senjata pemusnah yang dimiliki Israel dan bagi menjadikan Asia Barat bebas daripada senjata pemusnah) ditentang oleh dua negara, terutama jiran terdekat kita, Singapura dan Chile, sekutu Amerika Syarikat. Kedua-duanya memohon sidang ditangguh kerana mahu mendapat arahan baru dari pihak tertinggi mereka. Sila ikut perkembangan di muka berita akhbar ini.

Sedikit sejarah, NAM yang dianggotai pada mulanya oleh 25 negara, bekas tanah jajahan Barat - kecil dan besar - yang bertekad mahu kemerdekaan dan kedaulatan mereka terjamin angkara Perang Dingin antara Demokrasi (Amerika Syarikat dan Eropah Barat) dengan Komunisme yang dipelopori Soviet Union, kini Russia, telah ditubuhkan di Belgrade, Yugoslavia (sekarang negara ini seperti Soviet Union, tidak wujud lagi - Yugoslavia berpecah tinggal hanya Serbia saja) pada tahun 1961. Dasar terpenting NAM ialah pengecualian dalam rebutan pengaruh antara Kuasa Besar. Kini kerana hanya ada satu saja kuasa terunggul, NAM memusatkan memperjuangkan keamanan, kebebasan, keadilan, kemakmuran melalui penyusunan semula ekonomi dan sosial dunia. Anggota NAM kini berjumlah 114 negara.

NAM harus sentiasa sensitif kepada perkembangan siasah antarabangsa, mencari penyelesaian pertelingkahan, berkongsi sumber kekayaan bumi dan mendapat suara sewajarnya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan memberi sumbangan bagi mewujudkan satu sistem dan arkitekotor baru dalam hubungan antarabangsa.

Pucuk pimpinan NAM bagi tiga tahun berikutnya (2003-2006) akan jatuh ke tangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari Presiden Thabo Mbeki, dari Afrika Selatan, habis saja persidangan kemuncak pada petang Selasa.

Negara-negara NAM khasnya negara-negara Islam menunggu kepemimpinan Dr Mahathir dan juga yang bakal diketuainya OIC (Pertubuhan Persidangan